

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**TARIAN KUDA KEPANG PERSATUAN KUDA KEPANG  
SAWAH SEMPADAN**

**ADILAH BINTI MOHD ASARI**

Penulisan Ilmiah yang dikemukakan untuk memperolehi  
**Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Gunaan (Kepujian)**  
**Bahasa Melayu Komunikasi Profesional**

**Jabatan pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa**

**Jun 2016**



**JABATAN PENGAJIAN MELAYU  
AKADEMI PENGAJIAN BAHASA**

**TARIAN KUDA KEPANG  
PERSATUAN KUDA KEPANG SWAH SEMPADAN**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**ADILAH BINTI MOHD ASARI  
2013411434**

Penulisan Ilmiah ini telah diterima oleh Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Gunaan (Kepujian) Bahasa Melayu Komunikasi Profesional pada sesi 2015/2016.

---

Penyelia

---

Ketua Program

---

Tarikh

---

Tarikh

## **PENGAKUAN**

Dengan ini, saya ingin menyatakan bahawa segala kerja-kerja yang dilakukan dalam Penulisan Ilmiah ini telah dihasilkan tertakluk kepada peraturan Universiti Teknologi MARA. Ia merupakan karya yang asli dan dihasilkan oleh saya sendiri, kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumber rujukannya. Penulisan Ilmiah ini belum pernah dihantar atau diserahkan kepada mana-mana institusi akademik atau institusi bukan akademik untuk tujuan pengijazahan atau lain-lain penganugerahan.

Sekiranya Penulisan Ilmiah ini telah terbukti melanggar perkara yang telah disebutkan di atas, saya dengan suka relanya akan mengenepikan atau tidak menuntut sebarang hak untuk penganugerahan ijazah saya. Saya juga bersetuju supaya dikenakan tindakan disiplin berdasarkan peraturan yang telah termaktub oleh Universiti Teknologi MARA.

Nama : Adilah Binti Mohd Asari

No. Pelajar : 2013411434

Program : Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Gunaan (Kepujian)  
(Bahasa Melayu Komunikasi Profesional)

Fakulti : Akademi Pengajian Bahasa (UiTM) Shah Alam

Tajuk : Tarian Kuda Kepang Persatuan Kuda Kepang Sawah Sempadan

Tandatangan : .....

Tarikh : .....

## **PENGHARGAAN**

*Malam raya pasang pelita;  
Budi tuan saya tak lupa.*

Alhamdulillah. Syukur ke hadrat Ilahi, dengan izin-Nya dapatlah saya menyiapkan penulisan ilmiah ini.

Seharum mawar, sewangi kasturi, setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih ditujukan khas buat Puan Sri Qamariah binti Samsir, selaku penyelia penulisan ilmiah ini yang telah banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan dan pandangan yang membina dan berkorban masa dan tenaga dari mula sehingga penulisan ilmiah ini siap dengan jayanya. Tanpa sokongan dan bantuan daripada beliau, belum tentu saya dapat menyiapkan penulisan imliah ini. Segala budi yang telah ditabur tidak akan saya lupa.

Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua pensyarah Pengajian Bahasa Melayu UiTM Shah Alam di atas segala ilmu yang telah dicurahkan sepanjang saya menimba ilmu di sini. Sesungguhnya ilmu dan jasa yang diberikan amat bermakna kepada saya.

Ucapan istimewa buat ibu tercinta, Puan Rosminah binti Shuhaimi dan ayah tersayang, Mohd Asari bin Juri. Terima kasih kerana memberikan kasih sayang yang tidak pernah habis buat anakmu ini. Ucapan terima kasih buat kakak, abang dan adik saya yang sentiasa menyokong dan memberi dorongan untuk saya menyiapkan penulisan ilmiah ini. Ucapan terima kasih dan penghargaan ini juga ditujukan khas buat sahabat dan rakan-rakan seperjuangan yang turut sama membantu dan berkongsi ilmu. Ucapan terima kasih juga diucapkan buat informan, saudara Mohd Faizal bin Saleh dan ahli Persatuan Kuda Kepang Sawah Sempadan yang sudi bekerjasama dalam memberikan maklumat yang diperlukan.

Akhir kata, hanya Allah s.w.t sahaja yang dapat membalas jasa baik kalian. Sesungguhnya yang baik itu datangnya daripada Allah s.w.t dan yang buruk itu adalah dari kelemahan diri saya sendiri. Sekian, terima kasih.

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
SHAH ALAM, SELANGOR

NO 9, JALAN BUNGA RAYA,  
SUNGAI BURONG,  
45500 TANJONG KARANG,  
SELANGOR

## **ABSTRAK**

Kajian ini mengenai tarian kuda kepang di Kampung Sawah Sempadan, Tanjong Karang Selangor oleh Persatuan Kuda Kepang Sawah Sempadan. Kajian ini bertujuan menjelaskan ritual persembahan kuda kepang yang terdapat dalam persatuan ini, mengenal pasti peralatan-peralatan yang digunakan dalam persembahan serta pantang larang yang terdapat dalam persembahan tarian kuda kepang. Hasil daripada kajian ini, didapati bahawa terdapat seni tertentu dalam setiap seni tari yang dipersembahkan. Seni ini juga dilihat ketika buka dan tutup gelanggang tarian kuda kepang. Tarian kuda kepang juga mempunyai disiplin yang tertentu kepada peserta dan penonton. Selain itu, kajian ini dapat mengetahui peralatan-peralatan yang digunakan sebelum, ketika dan setelah tamatnya persembahan. Tarian ini juga mempunyai pantang larang yang perlu diikuti oleh para peserta dan penonton agar tidak berlaku kejadian yang tidak diingini.